

16 MAY 2003

Mahathir-NGO

NGO BOLEH BERTANDING JIKA DIDAFTAR SEBAGAI PARTI POLITIK - PM

KOTA KINABALU, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata badan-badan bukan kerajaan (NGO) boleh bertanding dalam pilihan raya jika ia didaftarkan sebagai parti politik.

Individu yang menganggotai sesuatu NGO juga boleh bertanding dalam pilihan raya atas kapasiti mereka sebagai individu, katanya.

"(Itu) hak dia kalau nak bertanding," katanya pada persidangan berita di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas pulang ke ibu negara di akhir lawatan dua harinya ke negeri ini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan muka depan sebuah akhbar hari ini mengenai NGO, yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan, boleh bertanding dalam pilihan raya umum dengan syarat terlebih dahulu mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menjawab soalan sama ada pembabitian langsung kalangan NGO dalam pilihan raya akan menjejaskan sokongan kepada Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir berkata perkara itu cuma andaian semata-mata.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata sesebuah NGO seperti Cuepacs misalnya tidaklah boleh bertanding atas kapasitinya sendiri.

"Kalau dia kata Cuepacs (yang akan bertanding), tak bolehlah. Tapi kalau individu daripada Cuepacs nak bertanding, itu hak dia sebagai individu," katanya.

Sementara itu di KEMAMAN, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sekiranya NGO berminat untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya, mereka perlu menyertai parti-parti politik yang ada di negara ini.

Beliau berkata NGO sendiri tidak boleh dibenarkan berfungsi sebagai parti politik kerana ia memainkan peranan yang berbeza daripada pertubuhan politik.

Beliau berkata dalam pindaan perlembagaan pertubuhan pada tahun 80an telah jelas memperkatakan perbezaan antara parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Parti politik, parti politik dan NGO adalah NGO, kedua-duanya mempunyai fungsi berlainan. NGO dituhukan bukan untuk tujuan melibatkan diri dalam pilihan raya kerana itu adalah untuk parti politik sahaja.

"Jadi dengan itu saya tidak fikir wajar pihak NGO diberi peluang untuk mendaftar bertanding dalam pilihan raya," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno sebagai pengerusi badan perhubungan negeri.

Abdullah berkata perlu diingatkan bahawa sesuatu perlembagaan bagi sesebuah pertubuhan itu memerlukan kebenaran daripada pihak pendaftar pertubuhan.

"Kalau nak pinda perlembagaan semesta-mata kerana nak bertanding atau nak ambil bahagian dalam pilihan raya, pindaan itu tidak boleh dibuat dan tidak sah hanya dengan mendaftar dengan pihak Suruhanjaya Pilihanraya," katanya.

Beliau berkata langkah NGO untuk bertanding dalam pilihan raya mungkin tidak boleh diterima oleh masyarakat dan juga menyebabkan ramai yang akan kecewa dengan NGO.

"Ini kerana sebelum mereka berjaya, mereka ingat mereka telah berpengaruh kerana mereka memperjuangkan sesuatu, maka dengan itu mereka nak jadi ahli politik pula...mungkin ini tidak diterima oleh masyarakat," katanya.

-- BERNAMA
SN RON